

**Muhyiddin Tinjau Pusat Mengundi Di Sekitar Parlimen Pagoh**  
**Bernama**  
**5 Mei, 2013**

PAGOH, 5 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin meluangkan masa meninjau pusat-pusat pengundian di sekitar Parlimen Pagoh, sejurus selesai mengundi, hari ini.

Muhyiddin bersama isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman menaiki kereta mengunjungi pusat pengundian bermula dari kawasan Temiang, Pekan Pagoh, Lenga hingga ke Bukit Kepong.

Antara pusat pengundian yang beliau singgah adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Alauddin Riayat Shah 1, Pekan Pagoh dan Sekolah Kebangsaan LKTP Felda Batu 27, Lenga, di sini.

Keadaan cuaca di Pagoh adalah cerah dan Timbalan Perdana Menteri kemudian menamatkan tinjauan hampir tiga jam itu dengan singgah di pusat pengundian di Sekolah Kebangsaan Kota Raja, Panchor.

Terdahulu, beliau yang mempertahankan kerusi Parlimen Pagoh bersama Noorainee mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Muar, di Muar, pada kira-kira pukul 8.20 pagi.

Pilihan raya umum ini menyaksikan Timbalan Perdana Menteri sekali lagi ditentang pencabar yang sama pada pilihan raya umum 2008 iaitu calon PAS Mohamad Rozali Jamil yang ditewaskan beliau dengan majoriti 12,581 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947560>